

# 'Pertarungan' pesilat Melayu diabadikan



BEBERAPA 'pertarungan' sengit di kalangan anggota-anggota kumpulan silat telah difilemkan di Balai Rakyat Kampong Eunos (gambar atas). *PENCAL SICAT*

Tetapi, ia bukanlah satu adegan dalam sebuah filem purbastra yang sedang disiapkan oleh sebuah syarikat profileman.

Ia juga bukan merupakan potongan adegan filem untuk sebuah drama purbastra Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC).

Sebaliknya, 'pertarungan' itu

difilemkan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) — menandakan permulaan rakaman berbagai jenis silat yang sedang dirancangkan oleh Persisi. *Berita Minggu*

Profileman pertama pada Selasa malam lalu mengambil masa kira-kira dua jam untuk merakamkan permainan Silat Gayong bagi Persatuan Wanita Dan Teruna (Perwanit).

Jurugambar Encik Sapayitno Asharno (paling kanan, membelakangkan kamera) telah mera-

kamkan segala acara penting dalam permainan silat tersebut — dari upacara membuka gelanggang, senaman sehingga kepada upacara penutup.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari M. Uriff, berkata rakaman-rakaman tersebut adalah perlu bagi mengabadikan permainan silat yang ada sekarang.

Beliau menambah rakaman-rakaman tersebut juga boleh digunakan dalam pameran atau majlis ceramah yang dianjurkan oleh Persisi.

18 MAR 1984